



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 29 April 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

查獲近萬根走私香煙 隆市局再捉「勞閩」



共有62名在当地从事商业活动的外籍人士遭移民局扣留。（取自DBKL脸书专页）

（八打灵再也28日讯）吉隆坡市政局再对“劳板”出手，这次还查获逾9000根走私香烟！

为取缔非法摆档的外籍人士，隆市政局本月24日，联手警方、移民局、关税局与国内贸易及生活费部（KPDN），到敦拉萨镇国会选区一带展开“严打行动”（Ops Gasak），同时也清除占据公共区域的物品。

扣查62外籍人士

隆市政局日前通过脸书发帖表示，上述行动是根据当局在相关地点进行的定期巡逻，以及公众举报资料而展开，当局也在行动中，援引《1976年地方政府法令》查封3间由

外籍人士经营的店铺。

“不仅如此，共有62名在当地周遭从事商业活动的外籍人士被拘留并被带到移民局接受进一步调查；国内贸易及生活费部也充公了2个涉及单位价值约2000令吉的货物，并向相关业者发出了2张献议罚单。”

此外，帖文说，关税局在行动中，查获共9756根走私入境且不具有有效税务标签的“白烟”，价值约8198令吉96仙；国内贸易及生活费部较后也就白烟一事，开出3份调查文件。

无论如何，市政局承诺将继续在已确定的重点地区展开不定期的行动及监控工作，也欢迎公众通过<https://adukl.dbkl.gov.my/>提供任何情报或投诉。



↑吉隆坡市政局联手移民局、关税局、警方与国内贸易及生活费部，到敦拉萨镇一带展开取缔行动，严打“劳板”。（取自DBKL脸书专页）

↘吉隆坡市政局充公“劳板”的非法作业工具。（取自DBKL脸书专页）





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



FOTO AZIAH AZMEE

'GARIS PANDUAN JITU'

Langkah untuk menyelaraskan proses kutipan royalti dengan lebih baik

Oleh Norhayati Nordin
 norhayati_nordin@hmetro.com.my

Perkembangan teknologi masa kini turut mendorong garis panduan hak cipta harus lebih menyeluruh apabila hasil penciptaan lagu turut menggunakan teknik janaan kecerdasan buatan atau AI.

Malah, difahamkan juga pernah timbul perdebatan ramai yang mempersoal sama ada kehadiran pengaruh teknologi AI itu dalam industri muzik akan menggantikan pengkarya tulen?

Justeru, untuk Garis Panduan Hak Cipta (Organisasi Pengurusan Kolektif 2025 atau CMO) yang diperkenalkan Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) dimaklumkan mempunyai tiga teras utama iaitu akauntabiliti, tatakelola baik dan ketelusan.

Ketua Pengarah MyIPO, Kamal Kormin, berkata garis panduan hak cipta yang diaplikasikan terhadap industri muzik ketika

ini turut mengambil kira pandangan daripada semua komponen sektor industri seni.

"Dalam akta hak cipta yang masih kita (MyIPO) guna sekarang memang sudah digariskan dengan beberapa tatakelola yang baik menerusi garis panduan sudah ditetapkan.

"Garis Panduan Hak Cipta ini kita perkenalkan juga dengan mengambil banyak pandangan merangkumi dari semua sektor industri, CMO, pengguna dan penyumbang.

"Jadi, bila kita wujudkan Garis Panduan Hak Cipta ini mungkin dari sudut pandangan CMO ke arah mentadbir urus. Tapi, sebenarnya itu bukan objektif kita," katanya ditemui pada Seminar Hak Cipta: AI Dalam Industri Muzik, baru-baru ini.

Penganjuran seminar untuk ilmu dan pembelajaran itu berlangsung sempena sambutan Hari Harta Intelekt Negara (HHIN) 2025 di Akademi Harta Intelekt,

Menara MyIPO Petaling Jaya.

Terdahulu, soal kebimbangan itu pernah disuarakan tiga organisasi CMO sebelum ini yang disifatkan Kamal sebagai langkah untuk menyelaraskan proses kutipan royalti dengan lebih baik.

Selain Kamal, hadir sama pada acara seminar itu ialah Timbalan Ketua Pengarah (Strategik dan Teknikal) MyIPO, Yusnieza Syarmila Yusoff dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MyIPO, Sheikh Arifin Sheikh Mohd Noor.

Kata Kamal lagi, Garis Panduan Hak Cipta (CMO 2025) itu turut dilengkapkan dengan beberapa program susulan untuk penggiat muzik lebih memahami kaedah kutipan royalti yang diguna pakai ketika ini.

"Penetapan Garis Panduan ini dibuat supaya proses kutipan menjadi lebih telus, jelas dan difahami terutama kepada industri menerusi tujuan pertama yang dibuat kemudian disusuli dengan sesi advokasi ini.

"Objektifnya supaya dapat menambah baik kaedah yang digunakan itu dengan mengambil kira pandangan semua pihak," ujarnya.

Tiga CMO bertanggungjawab dalam urusan royalti ialah Badan Perlindungan Hak Cipta Muzik Berhad (MACP), Public Performance Malaysia (PPM) dan Recording Performers Malaysia (RPM).

Terdahulu, melalui kenyataan bersama dikeluarkan organisasi itu adalah merujuk kepada garis panduan yang tertera di laman web rasmi MyIPO pada 17 Januari lalu, sebelum disusuli kenyataan media Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali.

Dalam kenyataan itu, MACP, PPM dan RPM meluahkan pendirian bahawa garis panduan itu dimuktamadkan tanpa konsultasi dengan mereka sewaktu sesi libat urus anjuran Bahagian Hak Cipta MyIPO pada 12 Mac lalu.



Penetapan Garis Panduan ini dibuat supaya proses kutipan menjadi lebih telus, jelas dan difahami terutama kepada industri menerusi tujuan pertama yang dibuat kemudian disusuli dengan sesi advokasi ini

KAMAL KORMIN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pengguna berhak tahu harga ubat

Oleh HASIF IDRIS

utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Langkah memaparkan harga ubat secara terbuka adalah langkah awal memperkasa dan ketelusan hak pengguna untuk mengetahui kos sebenar rawatan.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Prof. Amrahi Buang berkata, pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik atau hospital swasta dapat membuat pilihan lebih tepat dan berinformasi, menerusi ketelusan harga berkenaan.

"Apabila pengguna diberi kuasa untuk mengetahui harga ubat, mereka boleh membuat keputusan terbaik untuk diri sendiri.

"Pengguna juga ada hak untuk memilih dan langkah itu penting bagi menyelesaikan isu daripada sudut kepentingan pengguna dan bukannya usaha kerajaan untuk mengawal harga ubat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas mengenai keputusan kerajaan yang akan melaksanakan Mekanisme Ketelusan Harga Ubat bermula 1 Mei ini.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, perintah itu akan mewajibkan perkhidmatan kesihatan swasta memamerkan harga ubat.

Dalam pada itu, Amrahi berkata, pengguna perlu diberikan hak untuk mendapatkan



AMRAHI BUANG

ubat sama di klinik atau farmasi dengan pemberian surat ubat oleh doktor.

Jelasnya, amalan di klinik kesihatan kerajaan dengan doktor memberikan surat ubat sebelum pesakit mengambil ubat di farmasi, perlu diperluaskan ke sektor swasta.

Langkah itu, katanya, sejajar dengan usaha memperkasa hak pengguna dalam sistem kesihatan negara.

"Di klinik kesihatan kerajaan, pesakit diberikan surat ubat dan kemudian mereka pergi ke farmasi untuk mengambil ubat. Konsep ini boleh diterapkan di klinik swasta.

"Pesakit berhak memilih sama ada ingin membeli ubat terus di klinik atau mendapatkan ubat daripada farmasi pilihan mereka. Ini memberi kuasa kepada pengguna untuk membuat pilihan terbaik mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing," katanya.



ORANG ramai dibenarkan membeli lima paket BPT berbanding dua sebelum ini selepas bekalannya semakin stabil berikutan beberapa langkah intervensi dilakukan kerajaan. — GAMBAR HIASAN

Boleh beli 5 kampil

- Bekalan beras putih tempatan kembali stabil
- + ● Pelaksanaan langkah intervensi berjaya

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SERDANG – Kerajaan membenarkan rakyat membeli beras putih tempatan (BPT) sehingga lima kampil bermula semalam berbanding dua sebelum ini selepas bekalannya kembali stabil ekoran langkah intervensi yang dilaksanakan sejak beberapa bulan lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, beberapa pendekatan yang diambil telah membuahkan hasil untuk

memastikan bekalan BPT sentiasa ada di pasaran.

"Jika sebelum ini kita (kementerian) hadkan hanya dua kampil sahaja, tetapi mulai hari ini (semalam) kita benarkan pembelian lebih dua kampil, tetapi tidak melebihi lima kampil (setiap kali pembelian)."

"Sehingga pertengahan April, sebanyak 3.16 juta kampil 10 kilogram BPT telah diagihkan kepada lebih 47,000 premis runcit berdaftar di seluruh negara," katanya ketika ditemui di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri kementeriannya di Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini semalam.

Menurut Mohamad, antara negeri yang mencatatkan jumlah agihan tertinggi termasuk Selangor, Kedah, Perak dan Johor.

Tambahnya, langkah itu menjadi antara usaha penting kementerian untuk menjamin keterjaminan bekalan beras rakyat secara konsisten.

Dalam pada itu, beliau memberitahu Program Semarak Syawal 2025 yang telah berlangsung dari 22 hingga 30 Mac lalu berjaya mencatatkan nilai jualan mencecah RM21.43 juta.

Menurutnya, jumlah tersebut melebihi sasaran awal iaitu sebanyak RM20 juta.

"Program itu bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada pengguna yang turut membantu meningkatkan pendapatan petani dan usahawan agromakanan menjelang perayaan."

"Program ini telah dilaksanakan di 262 lokasi seluruh negara termasuk Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, RTC serta Medan Nlaga Satok di Sarawak, dengan penglibatan seramai 9,005 usahawan tempatan," katanya.

TO PREVENT STOCKPILING

Local white rice purchase limit raised to 5 bags

SERDANG: The government has eased the purchasing limit for local white rice to facilitate smoother supply chains and prevent stockpiling, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said consumers can now buy up to five 10kg bags per person, up from one bag.

He said the adjustment was necessary to prevent rice from spoiling if left unsold in the market for too long.

"Earlier, there were concerns about the availability of local white rice.

"However, now that it is widely

available, and with the price of imported rice stabilising around RM32, the demand for local white rice, priced at RM26, is no longer as high as before."

He said this after attending the ministry's Hari Raya celebrations. Mohamad said that when imported rice prices surged to RM40, demand for local rice had spiked, leading to stricter purchase limits.

"Now, consumers, especially those from lower-income groups, can buy up to five bags to meet their needs.

"We want the rice stocks to move, as prolonged stagnation

can cause spoilage and may attract pests."

He said that initiatives, such as the Local White Rice Distribution Programme, were being implemented nationwide to ensure a consistent supply.

"Up to mid-April, 3.16 million 10kg bags of rice have been distributed through over 47,000 registered retail outlets.

"Selangor, Kedah, Perak, and Johor have recorded the highest distribution figures."

He said some isolated supply issues might persist in certain rural areas, but added that the ministry was addressing these concerns.

On another matter, he said the government had given its assurance that the price of coconut milk will stabilise by next month, in time for Hari Raya Aidiladha.

He said additional imports from Indonesia, Sabah and Sarawak were being arranged to boost supply and ease price pressures.

Mohamad also said beef prices during Hari Raya Aidilfitri this year had remained low, and supply would be sufficient for Hari Raya Aidiladha.

He expressed hope that prices would not spike ahead of the next Hari Raya celebration.

White rice purchase limit increased to five bags

SERDANG: The purchase limit for 10kg of local white rice priced at RM26 has been raised to five bags per transaction from two bags previously.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the relaxation was made to meet current consumer demand and address the needs of targeted groups, particularly poor households.

"As of mid-April, a total of 3.16 million 10kg bags of local white rice have been distributed through more than 47,000 registered retail premises nationwide.

"Selangor, Kedah, Perak and Johor recorded the highest distribution figures. This initiative is among the ministry's key efforts to consistently safeguard the nation's rice supply," he said.

Meanwhile, Mohamad said the Cabinet has commended the ministry for its effective price control measures during this year's festive seasons.

"The market remained stable throughout Ramadan and leading up to Syawal, with prices of essential items such as chicken, eggs, vegetables, fish and meat staying under control and affordable



On the mic: Mohamad (second from left) and others enjoying an impromptu performance from Indonesian singer Hetty Koes Endang at the Agriculture and Food Security Ministry's Aidilfitri gathering. — Bernama

without any surge that could burden consumers," he said.

He also said that the Semarak Syawal 2025 Programme, which took place from March 22 to 30,

achieved significant success by registering sales amounting to RM21.43mil, surpassing the initial target of RM20mil.

The programme not only ena-

bled consumers to purchase Aidilfitri necessities at reasonable prices but also helped boost the income of farmers and agro-food entrepreneurs.



HARGA santan melonjak ke tahap RM22 sekilogram pada musim perayaan kerana kekurangan bekalan. — GAMBAR HIASAN

'Open house' punca santan naik harga

SERDANG — Kerajaan telah mengimport buah kelapa dari Indonesia dan beberapa negara lain untuk menstabilkan harga santan yang kini mencecah RM22 sekilogram.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sehubungan itu beliau berharap harga santan akan kembali stabil bulan depan.

Katanya, kenaikan harga santan disebabkan keperluan yang meningkat ketika musim perayaan dan majlis rumah terbuka.

"Santan memang harganya masih tinggi kerana perayaan

“

Kenaikan harga santan disebabkan keperluan yang meningkat ketika musim perayaan dan majlis rumah terbuka.”

sekarang ini masih berjalan, open house masih berjalan, contohnya seperti (majlis Aidilfitri) hari ini (semalam). Mungkin ada beratus tempat lagi open house di seluruh Malaysia.

“Bagaimanapun, kita yakin

bulan depan barangkali (santan) akan stabil. Kita juga mengambil langkah mengimport tambahan lagi (bekalan kelapa) daripada Indonesia dan beberapa (kawasan) lain,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri ke-menterianannya di Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohamad memberi jaminan bekalan lembu mencukupi pada Hari Raya Aidiladha.

“Harga lembu agak rendah termasuk di Pantai Timur ketika ini. Harap tidak naik mendadak ketika Aidiladha,” ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 29 APRIL 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
29-Apr	Had beli beras tempatan 10kg kini 5 kampil	https:// www.freemalaysiatoday.com/ category/bahasa/ tempatan/2025/04/28/had-beli- beras-tempatan-10kg-kini-5- kampil	FMT
29-Apr	Had pembelian beras putih tempatan 10kg dinaikkan kepada lima kampil - Mohamad Sabu	https:// www.astroawani.com/berita- malaysia/had-pembelian- beras-putih-tempatan-10kg- dinaikkan-kepada-lima- kampil-mohamad-sabu- 518491	ASTRO AWANI
29-Apr	Had pembelian beras tempatan 10 kg dinaikkan kepada lima kampil	https:// www.malaysiakini.com/ news/741647	MALAYSIA KINI
29-Apr	Doctors Scornful Of KPDM Video Enforcing Car Workshop Price Display	https:// codeblue.galencentre.org/2 025/04/doctors-scornful-of- kpdm-video-enforcing-car- workshop-price-display/	GALEN CENTRE
29-Apr	Drug Price Display Increases Admin Burden On Pharmacies	https:// codeblue.galencentre.org/2 025/04/drug-price-display- increases-admin-burden-on -pharmacies/	GALEN CENTRE